

NCC3123
CONFIDENTIAL
SULIT



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

**FINAL EXAMINATION
PEPERIKSAAN AKHIR**

**SEMESTER II SESSION 2022/2023 (DEGREE PROGRAMME)
SEMESTER II SESI 2022/2023 (SARJANA MUDA)**

COURSE KURSUS	:	JURISTIC STUDY OF IBADAT FIQH IBADAT
COURSE CODE KOD KURSUS	:	NCC3123
DURATION TEMPOH	:	2 HOURS 2 JAM

MATRIC NO. NO. MATRIK	:	_____
PROGRAMME NAMA PROGRAM	:	_____
SEAT NO. NO. MEJA	:	_____

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES
ARAHAH KEPADA CALON

- i. Answer all questions.
Sila jawab semua soalan.
- ii. All answers must be marked on the OMR paper provided.
Semua jawapan hendaklah ditanda di atas kertas OMR yang disediakan.

**DO NOT OPEN THE QUESTION PAPER UNTIL INSTRUCTED
JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

THIS QUESTION PAPER CONSISTS OF TWENTY (20) PRINTED PAGES
KERTAS SOALANINI MENGANDUNG DUA PULUH (20) MUKA SURAT BER CETAK

**CONFIDENTIAL
SULIT**

NCC3123
CONFIDENTIAL
SULIT

Pilih jawapan yang **paling tepat**

1. Definisi *fiqh* dari sudut bahasa
 - A. Ilmu
 - B. Tahu
 - C. Faham
 - D. Dalam
2. Pilih pernyataan yang benar mengenai kaitan antara *fiqh* dengan *aqidah Islamiyyah*, **kecuali**
 - A. Seorang Muslim yang mengamalkan hukum hakam Islam mempunyai pegangan agama yang kukuh
 - B. Seorang Muslim yang berpegang teguh pada *aqidah Islamiyyah* pasti akan menurut segala hukum hakam Islam
 - C. Seorang Muslim yang sering melanggar hukum hakam Islam membuktikan bahawa *aqidahnya* terhadap Islam belum cukup kukuh
 - D. Seorang Muslim yang tidak beriman pasti akan patuh kepada hukum hakam Islam
3. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai maksud *fiqh* dari sudut istilah
 - i. Melaksanakan segala perintah Allah SWT
 - ii. Mengetahui hukum-hukum *syara'* yang berkaitan dengan segala perbuatan dan perkataan *mukallaf*
 - iii. Amalan ibadah sehari-hari umat Islam
 - iv. Hukum *syara'* itu sendiri
 - A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. ii dan iv
 - D. i, ii dan iv

Seseorang Islam yang sampai had baligh dan waras fikiran dan dipertanggungjawabkan segala urusan agama ke atasnya.

4. Pernyataan di atas adalah merujuk kepada maksud?
 - A. *Ma'rifat*
 - B. *Ma'aruf*
 - C. *Mumayyiz*
 - D. *Mukallaf*

CONFIDENTIAL
SULIT

"Iaitu mereka yang tetap mendirikan sembahyang dan memberi zakat, sedang mereka pula percaya dengan yakin akan hari Akhirat."

- surah al-Naml: 3

5. Maksud ayat al-Quran di atas adalah berkait dengan

- A. kewajipan sembahyang
- B. kewajipan zakat
- C. beriman kepada Hari Akhirat
- D. hubungan antara *fiqh* dengan keimanan

Hukum hakam yang berkaitan dengan perbuatan manusia dan hubungan sesama mereka seperti jualbeli, gadaian, sewaan dan lain-lain.

6. Pernyataan di atas adalah merujuk kepada maksud

- A. hukum *Mu'amalat*
- B. hukum *Munakahat*
- C. *Siyasah Syar'iyyah*
- D. *Qanun 'Uqubat*

"Dan ia tidak menjadikan kamu menanggung sesuatu keberatan dan susah payah dalam perkara agama."

- surah Al-Haj: 78

7. Apakah yang dijelaskan dalam maksud ayat al-Quran di atas?

- A. Islam adalah agama yang memberatkan umatnya dengan pelbagai hukum fiqh
- B. Islam adalah agama yang mudah
- C. Sesuatu ibadat itu akan dirasakan berat sekiranya seseorang itu sukar beramal dengan ajaran Islam
- D. Semua umat Islam mampu melakukan sesuatu ibadat sekiranya mereka berniat ikhlas kerana Allah SWT

8. Berikut adalah contoh-contoh keringanan yang diberikan oleh Allah SWT dalam aspek ibadat, **kecuali**

- A. meninggalkan solat bagi warga emas
- B. solat *Jamak* dan *Qasar* bagi para musafir
- C. solat dalam keadaan duduk bagi mereka yang tidak mampu berdiri
- D. berbuka puasa bagi wanita hamil yang risaukan tentang diri sendiri dan anak dalam kandungan

NCC3123
CONFIDENTIAL
SULIT

9. Empat sumber utama bagi hukum *fiqh* mengikut urutan keutamaan adalah

- A. al-Quran, al-Sunnah, al-Hadis, *al-Qias*
- B. al-Quran, al-Sunnah, *al-Ijma'*, *al-Qias*
- C. al-Quran, al-Hadis, *al-Qias*, *al-Ijtihad*
- D. al-Quran, al-Hadis, *al-Qias*, *al-Ijma'*

Tuntutan wajib atas setiap individu *mukallaf* dengan tuntutan secara muktamad, seperti solat 5 waktu, puasa dan haji bagi yang berkemampuan. Ibadat-ibadat ini wajib ke atas setiap *mukallaf* dan tidak memadai didirikan oleh sebahagian *mukallaf* sahaja.

10. Pernyataan di atas adalah merujuk kepada maksud istilah dalam ilmu *fiqh* iaitu

- A. *wajib*
- B. *mandub*
- C. *Fardhu 'Ain*
- D. *Fardhu Kifayah*

11. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai kitab Al-Quran

- i. Kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk mengeluarkan manusia daripada kegelapan kufur kepada cahaya keimanan
- ii. Al-Quran menerangkan perkara *aqidah* secara terperinci
- iii. Al-Quran menerangkan perkara *ibadat* secara terperinci
- iv. Al-Quran menerangkan perkara *muamalat* secara umum

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. i, ii dan iii
- D. i, ii dan iv

Perkara yang dituntut oleh syara' meninggalkannya secara muktamad. Sesiapa yang meninggalkannya akan mendapat pahala kerana menurut perintah Allah, manakala sesiapa yang melakukannya akan mendapat azab dan dosa.

12. Pernyataan di atas adalah merujuk kepada maksud istilah dalam ilmu *fiqh* iaitu

- A. harus
- B. sunat
- C. haram
- D. makruh

CONFIDENTIAL
SULIT

13. Antara hikmah Islam menuntut umatnya supaya bersuci adalah disebabkan oleh tuntutan fitrah kejadian manusia. Ini bermaksud
- Islam menuntut supaya bersuci supaya dapat memuliakan manusia
 - bersuci dapat menjauhkan manusia daripada pelbagai jenis penyakit
 - manusia suka kepada kebersihan dan secara *tabii'* manusia tidak suka kepada kekotoran
 - umat Islam dituntut berdiri mengadap Allah dalam keadaan suci dan bersih daripada segala kotoran
14. Pilih pernyataan yang **benar**
- sah solat seseorang yang berwudhu' menggunakan air laut
 - sah solat seseorang yang berwudhu' menggunakan air dalam baldi yang terjatuh tahi cicak di dalamnya
 - tidak sah solat seseorang yang berwudhu' menggunakan air tanah
 - tidak sah solat seseorang yang berwudhu' menggunakan air salji
15. Perkataan *solat* dalam bahasa Arab bermaksud
- doa
 - sujud
 - berdiri
 - keampunan
16. Berikut adalah pernyataan yang benar mengenai hikmah pensyariatan solat, **kecuali**
- solat dapat menyedarkan manusia akan hakikat dirinya yang sebenar sebagai hamba Allah SWT
 - dengan bersolat, manusia dapat mengambil kesempatan waktu untuk bertaubat daripada dosa-dosanya yang lepas.
 - ketika bersolat, manusia dapat memperbaiki hubungannya sesama makhluk
 - solat mampu memantapkan aqidah dan keimanan manusia terhadap Allah SWT
17. Ajwad meninggalkan solat dengan sengaja kerana ingkar akan hukum wajibnya serta mempersendakan hukum Islam. Berikut adalah benar mengenai situasi orang seperti Ahmad, **kecuali**
- wajib mengqadahkan solatnya
 - terkeluar dari agama Islam atau kafir
 - wajib bertaubat *nasuha* dan kembali mendirikan solat
 - tidak wajib hukum bunuh sekiranya beliau ingkar untuk bertaubat

18. Bilakah bermulanya waktu solat zohor?
- A. Ketika terbit fajar *sodiq*
 - B. Apabila hilangnya *syafaq* merah di kaki langit
 - C. Apabila gelincir matahari ke arah matahari terbenam
 - D. Apabila matahari terbenam dan berterusan hingga *syafaq* merah hilang
19. Apakah maksud fajar *sodiq*?
- A. Warna merah yang kelihatan di kaki langit
 - B. Cahaya yang menyerlah di sepanjang ufuk timur
 - C. Warna merah yang kelihatan apabila matahari mula muncul
 - D. Warna merah yang kelihatan di kaki langit apabila matahari mula terbenam
20. Antara waktu makruh bersolat ialah
- A. sebelum solat subuh
 - B. solat selepas waktu 'Isyak
 - C. solat antara waktu Zohor dan Asar
 - D. selepas solat Asar sehingga matahari terbenam
21. Fatimah telah menuaikan solat zohor bersendirian di masjid, setelah beliau selesai solat terdapat jemaah yang baru sampai dan menuaikan solat Zohor secara berjemaah. Fatimah bingkas bangun mengulangi solat Zohor bersama-sama jemaah tadi. Apakah hukum Fatimah mengulangi solat beliau?
- A. Harus
 - B. Wajib
 - C. Sunat
 - D. Makruh
22. Kamil meninggalkan solat kerana terlupa. Apakah hukum bagi mereka yang berada dalam situasi seperti Kamil?
- A. Berdosa dan wajib segera mengqadha'kan solatnya
 - B. Berdosa dan tidak wajib segera mengqadha'kannya
 - C. Tidak berdosa dan wajib segera mengdadha'kannya
 - D. Tidak berdoasa dan tidak wajib segera mengqadha'kannya

Perkara yang wujud sesuatu itu bergantung kepadanya sedangkan perkara itu bukanlah sebahagian daripadanya.

23. Pernyataan di atas adalah merujuk kepada maksud?
- A. Rukun
 - B. Syarat
 - C. Wajib
 - D. *Tatauwu'*
24. Pilih pernyataan yang **benar** sahaja
- i. Kanak-kanak tidak wajib solat kerana mereka bukan *mukallaf*
 - ii. Wajib solat bagi orang gila yang telah pulih daripada penyakit gilanya
 - iii. Orang kafir tidak wajib solat tetapi wajib menerima azab siksaan di akhirat
 - iv. Orang kafir tidak wajib solat dan tidak akan menerima siksaan di akhirat kelak
- A. i sahaja
 - B. i dan ii
 - C. i, ii dan iii
 - D. i, ii dan iv
25. Rukun solat terdiri daripada berapa perkara?
- A. Sepuluh
 - B. Sebelas
 - C. Dua belas
 - D. Tiga belas
26. Ani solat zohor tanpa mengetahui bilakah masuk waktu solat tersebut walaupun berbetulan pada waktu yang disyariatkan. Apakah hukum solat seseorang yang berada dalam situasi seperti Ani?
- A. Sah
 - B. Sunat
 - C. Wajib
 - D. Tidak Sah
27. Apakah maksud *I'tida?*
- A. Berhenti sekejab
 - B. Duduk di antara dua sujud
 - C. Berdiri di antara ruku' dan sujud
 - D. Bersentuhan dahi dengan tempat sujud

NCC3123
CONFIDENTIAL
SULIT

28. Aina melakukan solat berhampiran dengan hidangan makanan yang menyelerakan. Apakah hukum solat dalam keadaan demikian?
- A. Harus
B. Sunat
C. Haram
D. Makruh
- Ismail menunaikan solat Zohor dalam keadaan beliau terlupa membaca *tasyahhud* awal.
29. Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh Ismail setelah beliau menyedari perkara tersebut?
- A. Ismail wajib mengulangi solatnya
B. Ismail harus meneruskan solat sehingga habis seperti biasa
C. Ismail wajib memberhentikan solatnya dan mengulanginya pada masa lapang
D. Ismail perlu meneruskan solat seperti biasa dan sunat baginya menambah dengan sujud *sahwi* di akhir solat.
30. Apakah hukum membaca doa *iftitah* ketika bersolat?
- A. Harus
B. Sunat
C. Haram
D. Makruh
31. Apakah hukum bagi maksimum terkemudian 1 rukun daripada imamnya?
- A. Sunat
B. Harus
C. Haram
D. Makruh
32. Air teh atau air sirap berada dalam kategori air?
- A. Air mutlak yang suci lagi menyucikan
B. Air yang suci tetapi makruh digunakan
C. Air yang suci tetapi tidak menyucikan
D. Air yang haram digunakan

CONFIDENTIAL
SULIT

33. Pernyataan berikut adalah benar mengenai syarat sah sujud Ketika solat, **kecuali**
- melakukan sujud dengan 6 anggota sujud
 - menyentuh tempat sujud dengan dahi yang terdedah
 - tetap seketika semasa sujud sekurang-kurangnya sekadar sekali tasbih
 - tidak sujud di atas pakaian yang dipakai yang bergerak mengikut pergerakannya
34. Selepas membaca *tasyahhud* akhir ketika ketika duduk *tahiyat* akhir dalam solat Maghrib, Rashid terus memberi salam tanpa membaca selawat ke atas nabi SAW. Apakah hukum solat Rashid dan tindakan yang perlu beliau lakukan?
- Solat sah dan Rashid tak perlu buat apa-apa
 - Solat tidak sah dan Rashid perlu mengqadha'kan solat Maghrib beliau
 - Solat sah tetapi Rahid perlu tambah sujud sahwai selepas memberi salam
 - Solat tidak sah dan Rashid perlu mengulang semula solat Maghrib tersebut
35. Puasa bulan Ramadhan difardhukan pada
- bulan Ramadhan tahun pertama hijrah
 - bulan Ramadhan tahun kedua hijrah
 - bulan Syaaban tahun pertama hijrah
 - bulan Syaaban tahun kedua hijrah
36. Pernyataan berikut adalah benar, **kecuali**
- orang yang mengingkari kewajipan puasa Ramadhan dianggap sebagai *kafir*
 - orang yang tidak berpuasa kerana lalai dianggap sebagai orang *kafir harbi*
 - orang yang tidak berpuasa tanpa mengingkari kewajipannya dianggap sebagai orang *fasiq*
 - orang yang mengingkari kewajipan puasa Ramadhan wajib bertaubat sebagaimana orang *murtad*
37. Berikut adalah hikmah disyariatkan puasa Ramadhan, **kecuali**
- puasa Ramadhan dapat melatih umat Islam menunaikan hak Allah
 - puasa Ramadhan dapat mewujudkan kasih sayang sesama umat Islam
 - puasa Ramadhan dapat mewujudkan sifat *mazmumah* dalam diri seorang Muslim
 - puasa Ramadhan dapat melatih umat Islam supaya bersifat sabar dan bersederhana dalam kehidupan

NCC3123
CONFIDENTIAL
SULIT

38. Berikut adalah syarat wajib puasa, **kecuali**

- A. Islam
- B. *Mukallaf*
- C. *Mumayyiz*
- D. tiada sebarang keuzuran yang menghalangnya berpuasa

39. Pilih pernyataan yang **benar** sahaja

- i. Orang yang pitam sepanjang hari tidak wajib berpuasa
- ii. Orang kafir tidak diwajibkan berpuasa tetapi sah puasanya
- iii. Orang kafir tidak diwajibkan berpuasa dan tidak sah puasanya
- iv. Tidak sah puasa seorang kanak-kanak yang belum *mumayyiz*

- A. i dan ii
- B. i dan iii
- C. ii dan iv
- D. i, iii dan iv

40. Shifa' berpuassa Ramadhan dan berniat puasa tanpa menentukan jenis puasanya, apakah hukum puasa beliau?

- A. Sah puasanya kerana beliau telah berniat
- B. Harus puasanya kerana beliau telah berniat
- C. Makruh puasanya kerana beliau berniat tanpa menentukan jenis puasanya
- D. Tidak sah puasanya kerana béliau berniat tanpa menentukan jenis puasanya

41. Niat puasa adalah termasuk dalam?

- A. Adab puasa
- B. Rukun puasa
- C. Syarat sah puasa
- D. Syarat wajib puasa

CONFIDENTIAL
SULIT

42. Manakah antara pernyataan berikut **benar** tentang puasa

- i. Niat puasa Ramadhan wajib diulangi setiap malam sebelum terbit fajar
 - ii. Tidak batal puasa seseorang sekiranya beliau makan dengan tidak sengaja
 - iii. Suntikan melalui dubur boleh membatalkan puasa seseorang kerana ia adalah ruang yang tidak terbuka
 - iv. Puasa seseorang terbatas sekiranya lalat atau nyamuk masuk ke dalam rongga tubuhnya
- A. i dan ii
B. i dan iii
C. ii dan iii
D. iii dan iv

43. Nurul telah menitiskan cecair "eye-mo" ke dalam matanya ketika beliau sedang berpuasa Ramadhan. Apakah hukum puasa beliau?

- A. Batal puasanya kerana mata adalah ruang yang terbuka
B. Tidak batal puasanya kerana mata bukanlah ruang yang terbuka
C. Batal puasanya kerana cecair titisan tersebut mengalir ke dalam rongga tubuhnya
D. Tidak batal puasanya kerana beliau menitiskan cecair tersebut kerana kemaslahatan

44. Berikut adalah adab ketika berpuasa **kecuali**

- A. segera berbuka
B. melewatkhan sahur
C. menentukan niatnya
D. berdoa sebelum berbuka

45. Berikut adalah pernyataan yang benar, **kecuali**

- i. Harus berbuka puasa bagi seseorang yang bermusafir kurang daripada dua marhalah
 - ii. Orang sakit yang meninggalkan puasanya, wajib mengqadha'kannya sebelum tiba bulan Ramadhan berikutnya
 - iii. Orang yang sakit berterusan sehingga masuk bulan Ramadhan yang lain, wajib mengqadha'kan puasanya tanpa perlu membayar fidyah
 - iv. Orang yang meninggal dunia sebelum sempat mengqadha'kan puasanya sedangkan dia mampu, wali disunatkan berpuasa bagi pihaknya
- A. i sahaja
B. i dan iii
C. ii, iii dan iv
D. Semua yang di atas

46. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai *kaffarah* puasa Ramadhan.
- A. *Kaffarah* hanya wajib dikenakan ke atas suami yang melakukan persetubuhan
 - B. *Kaffarah* wajib dikenakan ke atas suami dan isteri yang melakukan persetubuhan
 - C. Orang yang melakukan persetubuhan pada siang hari bulan Ramadhan, dalam keadaan dia terlupa sedang berpuasa wajib membayar *kaffarah*
 - D. *Kaffarah* yang wajib dibayar kerana membatalkan puasa Ramadhan dengan persetubuhan ialah membebaskan dua orang hamba sahaya yang beragama Islam lelaki dan perempuan
47. Apakah tujuan seseorang Muslim itu digalakkan berpuasa sunat?
- A. Supaya tidak berasa kekok untuk berpuasa wajib
 - B. Dapat menggantikan amalan puasa wajib yang tertinggal
 - C. Sebagai gambaran ketaatan kita kepada perintah Allah SWT
 - D. Untuk meningkatkan ketaqwaan dan perhambaan diri kepada Allah SWT
48. Apakah yang dimaksud dengan puasa sunat Hari Arafah?
- A. Puasa hari kesembilan bulan Muharram
 - B. Puasa hari kesepuluh bulan Muharram
 - C. Puasa pada 9 Zulhijjah bagi mereka yang menunaikan ibadat haji
 - D. Puasa pada 9 Zulhijjah bagi mereka yang tidak menunaikan ibadat haji

"**خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزْكِيُّهُمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ**"

Surah al-Taubah: 103

49. Ayat al-Quran di atas merupakan dalil naqli berkaitan ibadat?
- A. Solat
 - B. Puasa
 - C. Zakat
 - D. Bersuci

NCC3123
CONFIDENTIAL
SULIT

50. Berikut adalah pernyataan yang benar berkaitan hukum ibadat zakat, **kecuali**
- Orang yang enggan mengeluarkan zakat kerana kedekut hukumnya kafir (terkeluar dari agama Islam).
 - Orang yang enggan mengeluarkan zakat kerana mengingkari kewajipannya, hukumnya kafir (terkeluar dari agama Islam).
 - Orang enggan mengeluarkan zakat kerana kedekut hukumnya berdosa dan dianggap *fasiq*.
 - Peniaga kedai runcit tidak wajib mengeluarkan zakat kerana dia bermiaga kecil-kecilan sahaja.
- A. i dan ii
B. i, ii dan iii
C. i dan iii
D. i dan iv
51. Hisham telah mewariskan segala harta yang beliau miliki bernilai RM 1 juta kepada anak tunggalnya yang berusia 6 tahun sebelum beliau dan isteri meninggal dunia akibat kemalangan. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai situasi zakat harta yang ditinggalkan kepada si anak tersebut apabila cukup haul.
- A. Zakat harta anaknya tidak perlu dikeluarkan kerana anaknya belum baligh.
B. Haram dikeluarkan zakat dari harta tersebut kerana ia adalah harta anak yatim.
C. Wajib dikeluarkan zakat dari harta yang ditinggalkan kepada anaknya kerana kewajipan zakat tidak mewajibkan pemiliknya seorang yang baligh.
D. Harus dikeluarkan zakat bagi harta yang ditinggalkan kepada anaknya kerana anaknya masih berada dalam pengawasan wali.
52. Pengertian zakat dari sudut bahasa ialah
- A. harta
B. bersih
C. timbangan
D. tambahan

CONFIDENTIAL
SULIT

NCC3123
CONFIDENTIAL
SULIT

53. Pilih pernyataan yang **benar** tentang zakat.

- i. Zakat dapat membersihkan harta daripada sebarang perkara *syubhah*
 - ii. Zakat dapat menjadikan umat Islam menjadi lebih kaya dan berharta
 - iii. Zakat adalah rukun Islam yang paling penting dan disyariatkan pada tahun kedua hijrah
 - iv. Zakat difardhukan terlebih dahulu ke atas umat Islam sebelum ibadah puasa difardhukan
- A. i dan ii
B. ii dan iii
C. i, ii dan iii
D. semua yang di atas

54. Berikut adalah syarat wajib mengeluarkan zakat, **kecuali**

- A. Islam
B. berakal
C. cukup *haul*
D. cukup *nisab*

55. Emas dan perak diwajibkan zakat sekiranya ia memenuhi kriteria berikut iaitu

- i. ketulan emas dan perak
 - ii. barang perhiasan perak yang lebih daripada 200 dirham
 - iii. dinar emas yang dicetak menggantikan emas bagi sebarang tujuan
 - iv. barang perhiasan emas bagi wanita yang kurang daripada 20 *mithqal*
- A. i dan ii
B. i, ii dan iii
C. ii, iii dan iv
D. semua yang di atas

56. Berikut adalah binatang ternakan yang wajib dikenakan zakat, **kecuali**

- A. unta
B. ayam
C. lembu
D. kambing

CONFIDENTIAL
SULIT

NCC3123
CONFIDENTIAL
SULIT

57. Pilih pernyataan yang **benar** sahaja mengenai nisab zakat.
- i. Nisab bagi zakat tanaman bermula dengan 5 *ausaq*
 - ii. Nisab bagi zakat tanaman padi bermula dengan 180 liter
 - iii. Nisab bagi zakat ternakan lembu bermula dengan 30 ekor
 - iv. Nisab bagi zakat emas perhiasan bermula dengan 20 *mithqal*
- A. i dan ii
 - B. ii dan iii
 - C. i, iii dan iv
 - D. ii, iii dan iv
58. Amran telah menangguh pembayaran zakat perniagaan beliau sedangkan beliau mampu dan telah cukup *haul* serta *nisab*. Apakah hukum bagi mereka yang berada dalam situasi Amran?
- A. Harus
 - B. Makruh
 - C. Berdosa
 - D. Dimaafkan
59. Bagaimanakah situasi seseorang membayar zakat setelah cukup nisab tetapi belum cukup haul?
- A. Zakatnya tidak dikira
 - B. Zakatnya tidak dikira dan beliau perlu mengeluarkan zakat lagi setelah cukup haul nanti
 - C. Zakatnya dikira dan tidak perlu mengeluarkan zakat lagi apabila cukup haul nanti
 - D. Zakatnya dikira tetapi beliau perlu mengeluarkan zakat lagi apabila cukup haul nanti
60. Berikut adalah golongan penerima zakat, **kecuali**
- A. Amil
 - B. Fakir
 - C. orang yang memberi hutang
 - D. orang yang berjihad pada jalan Allah
61. Apakah yang dimaksudkan dengan nazak?
- A. Situasi pesakit ketika hampir meninggal dunia
 - B. Keadaan sakit yang sudah menjadi semakin kritikal
 - C. Saat ketika malaikat maut hendak mencabut nyawa manusia
 - D. Zahir tanda-tanda mati daripada pesakit dan mula tercabut roh daripada jasad

CONFIDENTIAL
SULIT

NCC3123
CONFIDENTIAL
SULIT

62. Berikut adalah perkara sunat yang perlu dilakukan oleh ahli keluarga apabila seseorang itu berada dalam keadaan nazak, **kecuali**
- membaca Talqin
 - membaca ayat-ayat al-Quran
 - mengajarkannya dua kalimah syahadah
 - membaringkannya menelentang dengan mukanya ditinggikan sedikit supaya mengadap qiblat
63. Memandi, mengkafan, menyembahyang dan mengebumikan jenazah adalah proses pengurusan jenazah dalam Islam? Apakah hukum keempat-empat urusan tersebut ke atas semua orang Islam yang berada di tempat kematian?
- Fardhu*
 - Fardhu 'Ain*
 - Fardhu Kifayah*
 - Sunat Muakkad*
64. Apakah hukum seorang lelaki memandikan mayat isterinya?
- Harus
 - Wajib
 - Sunat
 - Makruh
65. Apakah tujuan utama Islam mensyariatkan mandi jenazah?
- Amaan Rasulullah
 - Untuk mewangikannya
 - Untuk memuliakan dan membersihkannya
 - Untuk menanggalkan segala kotoran pada tubuh si mati
66. Apakah hukum mengkafangkan jenazah dengan kain yang bukan berwarna putih?
- Harus
 - Wajib
 - Sunat
 - Makruh

CONFIDENTIAL
SULIT

"Rasulullah SAW bersedih atas kematian an-Najasyi, lalu Baginda keluar ke tempat solat, berbaris bersama para sahabat dan bersolat sebanyak empat kali takbir."

67. Hadith riwayat Bukhari dan Muslim di atas adalah dalil yang menunjukkan?
- Keharusan solat jenazah
 - Pensyiaran solat jenazah
 - Cara melaksanakan solat jenazah
 - Kaedah melaksanakan solat jenazah
68. Apakah tujuan utama solat jenazah dilaksanakan?
- Menyucikan jenazah
 - Mendoakan jenazah
 - Memuliakan jenazah
 - Menambah pahala kepada jenazah
69. Berikut adalah pernyataan yang benar mengenai proses mengafan mayat, **kecuali**
- haram mengafan mayat dengan kain yang bukan berwarna putih
 - cara yang sempurna bagi mayat perempuan, sunat dikafankan dengan 5 helai kain putih
 - menurut tuntutan syara' dan pendapat yang sahih, membalut seluruh tubuh mayat dengan sehelai kain yang menutup aurat
 - cara yang lebih sempurna bagi mayat seorang lelaki, ialah mengafankannya dengan 3 helai kain putih dengan setiap helainya sama panjang
70. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai adab mengiringi jenazah.
- Membawa jenazah dengan keranda
 - Mengiringi jenazah dengan berjalan kaki
 - Bercakap-cakap ketika mengiringi jenazah
 - Berjalan di hadapan dan berdekatan dengan jenazah
- i dan ii
 - ii dan iii
 - i, ii dan iv
 - ii, iii dan iv

NCC3123
CONFIDENTIAL
SULIT

71. Pernyataan berikut adalah benar, **kecuali**

- A. Ahli kitab dari kalangan agama Yahudi yang *thiqah* layak menjadi penyembelih.
- B. Menyembelih binatang dengan menyebut nama berhalal hukumnya tidak halal dimakan daging sembelihan tersebut.
- C. Penyembelih adalah seorang yang beragama Islam.
- D. Halal daging sembelihan yang disembelih oleh Ahli Kitab yang asalnya tidak beriman dengan Allah kemudiannya memeluk agama Nasrani.

72. Pilih pernyataan yang **benar** mengenai ibadat sembelihan.

- i. Penyembelihan dari segi syara' dapat membezakan antara binatang yang mati itu najis ataupun tidak.
- ii. Penyembelihan adalah cara untuk membersihkan binatang daripada darahnya.
- iii. Sah melakukan penyembelihan terhadap binatang buruan yang liar dengan cara melukakan mana-mana bahagian anggota badannya yang boleh mematikan binatang tersebut.
- iv. Tidak sah melakukan penyembelihan terhadap binatang buruan yang liar dengan cara melukakan mana-mana bahagian anggota badannya yang boleh mematikan binatang tersebut.

- A. i dan ii
- B. ii dan iii
- C. i, ii dan iii
- D. ii, iii dan iv

73. Apakah hukum sembelihan yang tidak putus urat *halqum* dan *mari*?

- A. Sah
- B. Sunat
- C. Makruh
- D. Tidak sah

74. Mana-mana bahagian anggota badan binatang yang terpotong ketika hidupnya, hukumnya adalah tidak halal. Apakah hukum menggunakan bulu kambing yang diambil ketika kambing itu masih hidup untuk tujuan perhiasan?

- A. Halal
- B. Tidak halal
- C. Makruh
- D. Sunat

CONFIDENTIAL
SULIT

Penyembelihan pada leher binatang di sebelah atas hukum mengikut syarat yang ditetapkan oleh syarak.

75. Pernyataan di atas adalah maksud kepada cara penyembelihan?
- A. *Al-'Aqru*
 - B. *Al-Nahru*
 - C. *Al-Zabhu*
 - D. *Al-Tazkiah*
76. Apakah hukum penyembelih menajamkan lagi pisaunya ketika melakukan sembelihan?
- A. Harus
 - B. *Bid'ah*
 - C. Wajib
 - D. Sunat
77. Apakah hukum memakan sembelihan yang dilakukan oleh seorang wanita dengan mengikut adab dan syarat sembelihan yang telah disyariatkan?
- A. Halal dimakan
 - B. Sunat dimakan
 - C. Haram dimakan
 - D. Makruh dimakan
78. Aziz melakukan sembelihan dengan menggunakan kaca yang tajam. Apakah hukum sembelihan dalam situasi Aziz?
- A. Sah sembelihannya
 - B. Haram sembelihannya
 - C. Makruh sembelihannya
 - D. Tidak sah sembelihannya
79. Berikut adalah pernyataan yang benar, **kecuali**
- A. bangkai ikan halal dimakan
 - B. bangkai ayam haram dimakan
 - C. bulu kambing yang dipotong ketika hidup adalah halal
 - D. kaki kambing yang terpotong ketika hidup halal di makan

NCC3123
CONFIDENTIAL
SULIT

80. Kambing yang disembelih oleh Rosli mempunyai janin yang telah mati dalam perut ibunya setelah dilakukan proses melapah. Apakah hukum memakan janin tersebut?
- A. Halal
 - B. Sunat
 - C. Haram
 - D. Makruh

- *Kertas Soalan Tamat* -

CONFIDENTIAL
SULIT